

07 FEB 1997

NCWO-Syariah

HAKIM SYARIAH, PEGAWAI AGAMA PERLU LEBIH SENSITIF, KATA NCWO

KUALA LUMPUR, 7 Feb (Bernama) -- Hakim Mahkamah Syariah, kaunselor dan pegawai di Jabatan Agama disaran supaya menjalani kursus khas bagi mengubah sikap dan pandangan mereka terhadap wanita untuk meningkatkan keadilan dalam penyelesaian kes-kes rumahtangga keluarga Islam.

Cadangan oleh Majlis Kebangsaan Pertubuhan-Pertubuhan Wanita Malaysia (NCWO) itu adalah bagi memberi lebih pengetahuan kepada pihak berkenaan mengenai hak dan sensitiviti wanita, yang dikatakan sering menjadi pihak yang tertindas dalam sesuatu kes.

NCWO akan mengemukakan cadangan itu serta cadangan lain dalam satu memorandum bertajuk "Reformasi Undang-undang Keluarga Islam serta Pentadbiran Keadilan Dalam Sistem Syariah di Malaysia" kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak lama lagi.

Menurut Presiden Persatuan Peguam-peguam Wanita Malaysia, Noor Farida Ariffin, kursus bagi mengurangkan sikap berat sebelah terhadap jantina perlu dilaksanakan segera berikutan banyaknya aduan daripada wanita yang menghadapi masalah berkenaan.

"Kebanyakan wanita mengadu tidak mendapat layanan yang adil daripada pihak yang mengendalikan kes seperti hakim Mahkamah Syariah, kaunselor dan pegawai agama yang seolah-olah merendah-rendahkan maruah mereka," katanya ketika dihubungi, di sini.

Noor Farida berkata, terdapat banyak aduan yang mengatakan bahawa pihak lelaki mendapat layanan lebih baik daripada pihak berkenaan dan sesuatu keputusan berhubung rumahtangga juga dikatakan lebih berpihak kepada lelaki atau suami.

"Masalah ini merupakan sesuatu yang serius kerana ia menjejaskan keadilan terhadap wanita Islam," katanya.

Dalam memorandum itu, NCWO mencadangkan agar kursus atau latihan diberi kepada pihak berkenaan di Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP) dengan dibantu oleh wakil pertubuhan-pertubuhan wanita.

Memorandum itu menyebut bahawa halangan terbesar dalam melaksanakan undang-undang keluarga Islam yang adil dan berkesan ialah sikap berat sebelah terhadap jantina di kalangan hakim Syariah dan pegawai agama lain.

Undang-undang yang terbaik sekalipun tidak berkesan jika atau sehingga pegawai-pegawai perundangan dilatih untuk menghargai rasional sesuatu reformasi undang-undang, serta sensitif dan peka bukan sahaja kepada hak-hak lelaki tetapi juga hak wanita, menurut memorandum itu.

Memorandum yang dibentangkan pada satu bengkel Reformasi Undang-undang Keluarga Islam Serta Pelaksanaan Dan Pentadbirannya di sini baru-baru ini, juga antara lain mencadangkan agar jabatan agama dan mahkamah syariah menyediakan kaunselor terlatih untuk memberi nasihat sewajarnya kepada pasangan suami-isteri.

Jabatan agama dan mahkamah syariah juga disaran mencontohi mahkamah sivil dalam struktur organisasi dan kakitangannya selain menyediakan jumlah kakitangan yang mencukupi.

Menurut Noor Farida, antara masalah ketara berhubung pentadbiran perundangan Islam masa kini ialah jangka masa yang lama diambil untuk menyelesaikan sesuatu pertikaian perkahwinan serta pelaksanaan undang-undang berkenaan mengikut tafsiran dan pemahaman sendiri oleh pihak yang terlibat.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAIWP) Haji Wan Mahmood Wan Yaacob ketika dihubungi berkata, JAIWP hanya

membenarkan pegawai agama daripada kumpulan 'A' untuk menjadi kaunselor.

"Pegawai ini akan bertugas mengikut latarbelakang, prosedur dan pengetahuan mereka. Bagaimanapun, yang menyulitkan mereka bertugas ialah ada di kalangan pihak isteri yang tidak menceritakan sepenuhnya masalah mereka ketika membuat aduan," katanya.

Menurut Wan Mahmood, cadangan NCWO untuk memberi kursus kepada pihak yang terlibat menangani masalah rumahtangga adalah baik dan berguna kepada pegawai berkenaan.

"Masyarakat, terutama di bandar besar kini adalah lebih rumit. Oleh itu cara penyelesaian dan pendekatan baru perlu dipelajari dalam menangani masalah umat Islam," katanya.

Katanya, JAIWP kini mempunyai 11 kakitangan yang terlibat dengan kaunseling dan seorang daripada mereka kini melanjutkan pelajaran di bidang itu pada peringkat sarjana.

Mengenai dakwaan kelewatan dalam penyelesaian kes-kes, Wan Mahmood berkata perkara itu memang berlaku terutama dalam keadaan kekurangan kakitangan jabatan serta peningkatan bilangan kes.

Katanya sikap sesetengah pihak yang tidak mahu berterus-terang mengenai masalah mereka juga menyukarkan kakitangan jabatan membantu menyelesaikan kes dalam masa yang singkat. -- BERNAMA

RAZ AKD